

09/07/2004

Merican Gold keluarkan 25,000 set siling peringatan

MERICAN Gold Heritage Sdn Bhd (Merican Gold) akan mengeluarkan 25,000 set syiling emas dan perak peringatan sempena Persidangan Kefahaman Islam Antarabangsa yang dijadual berlangsung Ogos ini.

Pengerusi Eksekutif Merican Gold, Ramlan Merican Naina Merican, berkata set syiling peringatan berkenaan akan dikeluarkan dengan tema "Bingkisan Untuk Warga Malaysia".

Beliau berkata, setiap set mengandungi empat syiling emas dan satu syiling perak tulen yang masing-masing seberat lapan gram dan 28.35 gram.

Katanya, syiling peringatan berkenaan akan dijual pada harga RM3,388 setiap satu set dan pembeliannya dikecualikan daripada cukai pendapatan.

"Harga jualan set berkenaan ditetapkan pada harga pasaran iaitu ketika Merican Gold menyatakan persetujuannya untuk mengeluarkan set berkenaan sebelum ini.

"Syiling peringatan itu memaparkan empat gambar bekas Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas memeterai memorandum persefahaman (MOU) antara Merican Gold dengan Persatuan Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Alumni UIAM) di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis disaksikan Timbalan Menteri Kewangan, Tengku Putera Tengku Awang. Hadir sama, Rektor UIAM, Prof Dr Mohd Kamal Hassan dan Timbalan Presiden Alumni UIAM, Mohd Khair Ngadiron.

Merican Gold dan Alumni UIAM akan menjayakan persidangan yang bertemakan "Islam Di Abad 21: Imej dan Realiti" yang dijangka dihadiri 300 peserta dalam dan luar negara serta pelajar UIAM.

Sempena persidangan yang akan diadakan di ibu negara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan syiling kenang-kenangan berkenaan.

Ramlan Merican berkata, dalam memorandum yang dimeterai itu juga, Merican Gold akan menyerahkan 10 peratus perolehan jualan set berkenaan kepada Alumni UIAM.

(END)